

Strategi asas K-ekonomi gerak perkembangan IT

BH 10 MAR 2000

STRATEGI asas yang bakal digunakan bagi merangka pelan induk ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi), dijangka membantu dalam menggerakkan pembangunan industri Teknologi Maklumat (IT).

Firma sekuriti SJ Securities Sdn Bhd berkata, strategi itu juga dijangka secara berkesan membantu kerajaan mencapai matlamat menggerakkan ekonomi negara ke arah konsep k-ekonomi.

Firma itu berkata, selain menjadi sektor penting ekonomi melalui penge-

luaran peralatan elektronik dan separakondutor, penggunaan IT juga sangat meluas dalam sektor perkhidmatan.

“Dengan mengambil kira penggunaan meluas IT dalam perkhidmatan kewangan serta kegiatan perniagaan, kadar pergantungan ekonomi Malaysia terhadap penggunaan IT sangat ketara kerana sektor kecil itu menyumbang kira-kira 13 peratus kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) kasar.”

“Dengan pelaksanaan pentadhiran kerajaan secara elektronik (e-Kera-

jaan), penggunaan IT dalam ekonomi akan menjadi semakin ketara,” kata firma itu dalam analisis hariannya.


Firma itu berkata, penggunaan IT dalam ekonomi terus berkembang pesat sebagaimana berlaku dalam tempoh dua tahun lalu.

Peratusan pemilikan komputer peribadi di kalangan rakyat meningkat daripada 7.6 peratus pada 1998 kepada 10.3 peratus tahun lalu.

Peratusan pelanggan Internet pula meningkat daripada 2.2 peratus pada 1998 kepada 2.8 peratus tahun lalu.

STATISTIK PENGGUNAAN IT DI MALAYSIA

	1998	1999
Kadar pemilikan komputer peribadi (PC) (% penduduk dengan PC)	7.6	10.3
Pengguna Internet (% penduduk)	495,000 (2.2)	644,000 (2.8)
Urusniaga e-dagang (RM juta)	68.4	190



Jumlah pelanggan Internet sehingga tahun lalu ialah 644,000 berbanding 495,000 pada 1998.

Jumlah urus niaga perdagangan secara elektronik pula meningkat lebih sekali ganda iaitu daripada RM68.4 juta pada 1998 kepada RM190 juta tahun lalu.

Perdana Menteri. Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad kelmarin berkata, antara strategi asas yang bakal digunakan dalam menggerakkan ekonomi Malaysia ke arah k-ekonomi ialah memberi tumpuan terhadap sistem pendidikan terbaik, mencapai tahap kemahiran tertinggi, penumpuan terhadap pengetahuan, peningkatan diri dan kemahiran bahasa.